



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)  
KEPONG, 52109 SELANGOR**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM500-2/2/1(9)

Ruj Tuan/ Our Ref:

Tarikh : 29 Mac 2024

**IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PELAKSANA SIRI 1/2024**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) Jawatan : **Pembantu Awam Gred H11**
- (b) Bil. Kekosongan : 14 jawatan
- (c) Taraf Jawatan : Tetap
- (d) Jadual Gaji : RM 1,218.00 (Minimum) – RM 2,939.00 (Maksimum)
- (e) Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM 80.00
- (f) Imbuhan : (i) Tetap Khidmat Awam : RM 95.00  
(ii) Tetap Perumahan : RM 300.00  
(iii) Bantuan Sara Hidup : RM 350.00

(g) Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

DAN

(h) Kelayakan Lantikan Ke Gred H11

Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan pada Gred H11 RM 1,218.00).

**(Syarat Tambahan:** Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut / motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia).

(Gaji permulaan pada Gred H11 RM 1,264.15).

(i) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<http://www.frim.gov.my/ms/kerjaya/>) akan diproses.

**Tarikh Tutup Permohonan pada 22 April 2024 (Isnin)**

**CATATAN AM**

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA**

**INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)**